

EK

MAHATHIR: HAPUSKAN MENTALITI INGIN CEPAT KAYA

KUALA LUMPUR, 29 OKT (BE BERNAMA)-- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MELANCARKAN SEMULA BURSA KOMODITI KUALA LUMPUR (KLCE) DENGAN AMARAN KERAS KEPADA MEREKA YANG MENYERTAI INDUSTRI HADAPAN SUPAYA MENGHAPUSKAN MENTALITI MAHU CEPAT KAYA.

+BURSA BUKANNYA SATU BARANG PERMAINAN ATAU KASINO.. IA ADALAH BAHAGIAN PENTING SESEBUAH EKONOMI PASARAN,+ KATANYA.

+MEREKA YANG MENYERTAINYA MESTI MELUPAKAN URA-URA UNTUK CEPAT KAYA. MEREKA MESTI MENGANGGAP PENYERTAAN MEREKA SEBAGAI SATU PEKERJAAN YANG SERIUS, MEMERLUKAN TANGGUNGJAWAB DAN AMALAN-AMALAN ETIKA.+

KATANYA KEWIBAWAAN ADALAH MODAL PALING BESAR DALAM PASARAN SEPERTI INI.

+KITA BOLEH MEMPUNYAI UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN-PERATURAN SERTA BERBAGAI SURUHANJAYA DAN MAJLIS BAGI MEMPASTIKAN SEMUA YANG TERLIBAT TIDAK MENYELEWENG TETAPI SEMUA INI TIDAK AKAN BERGUNA SEKIRANYA SESEORANG PENIAGA BERAZAM UNTUK MENIPU,+ TAMBAHNYA.

+DI SINILAH TERLETAKNYA NILAI KEWIBAWAAN. PARA PENIAGA DAN BROKER DAN SEMUA YANG TERLIBAT DALAM BURSA INI MESTI MEMPUNYAI KEWIBAWAAN.

+OLEH ITU ADALAH PENTING SEMUA YANG TERLIBAT DITELITI DENGAN RAPI DAN AHLI-AHLI YANG MELAKUKAN KESALAHAN DIKENAKAN DISIPLIN SERTA PENGAWASAN RAPI DIJALANKAN DI SETIAP KETIKA BAGI SEBARANG TANDA-TANDA MANIPULASI.+

KATANYA, SEKIRANYA DIANALISA DENGAN RAPI, KESIMPULAN YANG DIPEROLEHI IALAH APA YANG DINIAGAKAN ADALAH KEWIBAWAAN PARA PESERTA PASARAN.

BKKL YANG DISUSUN SEMULA ITU AKAN MENGHIDUPKAN SEMULA PASARAN HADAPAN MINYAK SAWIT MENTAH YANG SATU-SATUNYA DI DUNIA.

PASARAN HADAPAN MINYAK SAWIT MENTAH LUMPUH SEJAK FEBRUARI TAHUN LALU KERANA KEMUNGKIRAN KONTRAK BESAR-BESARAN WALAUPUN KONTRAK HADAPAN GETAH MASIH DINIAGAKAN DI BURSA TERSEBUT.

CIRI PALING PENTING DALAM BURSA YANG DISUSUN SEMULA INI IALAH SEMUA KONTRAK YANG DINIAGAKAN AKAN DIJAMIN SECARA AUTOMATIK OLEH

MALAYSIAN FUTURES CLEARING CORPORATION (MFCC).

SEBELUM INI, URUSNIAGA HANYA DIJAMIN PADA HARI BERIKUTNYA DAN INI TELAH MENYEBABKAN KEPADA KEMUNGKIRAN KONTRAK HADAPAN BAGI 763 LOT MINYAK SAWIT MENTAH OLEH TUJUH BROKER FEBRUARI TAHUN LALU.

PUSAT PENJELASAN KOMODITI KUALA LUMPUR (KLCCH) PADA MASA ITU MEMBATALKAN PENDAFTARAN BAGI LOT-LOT TERSEBUT APABILA IA MENDAPATI BROKER-BROKER BERKENAAN TIDAK MEMPUNYAI MARGIN YANG MENCUKUPI DENGAN PUSAT TERSEBUT BAGI MELINDUNGI KONTRAK-KONTRAK YANG TERLIBAT.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BKKL SERTA MFCC PATUT MENGAMBIL TINDAKAN YANG SEWAJARNYA BAGI MENGELAKKAN SEBARANG PERKEMBANGAN YANG TIDAK DIINGINI DARIPADA MENJEJASKAN KEWIBAWAAN PASARAN.

BELIAU MEMBERI AMARAN BAHAWA MANIPULASI ADALAH KESALAHAN JENAYAH YANG SERIUS DI BAWAH UNDANG-UNDANG DAGANGAN KOMODITI DAN KERAJAAN TIDAK AKAN MEMBIARKAN SESIAPA PUN MELEMAHKAN PASARAN.

SURUHANJAYA DAGANGAN KOMODITI YANG MENGGANTIKAN MAJLIS DAGANGAN KOMODITI AKAN DIBERIKAN KUASA-KUASA SEWAJARNYA BAGI MENGAWASI OPERASI BURSA DAN UNTUK MASUK CAMPUR DALAM PASARAN DALAM KEADAAN KECEMASAN.

+KAMI HARAP CAMPURTANGAN SURUHANJAYA AKAN JARANG DIPERLUKAN+, KATANYA.

KATANYA LAGI KERAJAAN MENGAKUI BAHAWA DAGANGAN HADAPAN KOMODITI MEMAINKAN PERANAN PENTING DALAM EKONOMI NEGARA DAN INI DAPAT DILIHAT DARIPADA PINJAMAN BERSYARAT MUDAH SEBANYAK \$2.2 JUTA UNTUK PERBELANJAAN MEMULAKAN BURSA ITU.

MENURUT DATUK SERI DR. MAHATHIR KERAJAAN JUGA MENYEDARI BURSA TERSEBUT MEMERLUKAN PENYERTAAN ANTARABANGSA, OLEH ITU PIHAK KERAJAAN TELAH BERSETUJU MEMBENARKAN FIRMA-FIRMA DAGANGAN KOMODITI ANTARABANGSA MENJADI ANGGOTA BKKL.

KERAJAAN JUGA MENGADAKAN KELONGGARAN DALAM STRUKTUR EKUITI DENGAN MEMBENARKAN MEREKA MEMEGANG LEBIH DARIPADA 50 PERATUS SAHAM.

BELIAU BERHARAP DENGAN INSENTIF-INSENTIF INI, PIHAK INDUSTRI AKAN MENYAMBUT BAIK PEMBENTUKAN DAN PERKEMBANGAN SATU DAGANGAN HADAPAN KOMODITI YANG BERDAYA MAJU DI NEGARA INI.

KETIGA-TIGA BURSA, PUSAT PENJELASAN DAN KERAJAAN TELAH MEMBERI SUMBANGAN SEPENUHNYA BAGI MEMASTIKAN SISTEM DAGANGAN BARU DI BKKL AKAN BERJALAN LANCAR SELARAS DENGAN FALSAFAH PENGAWASAN SENDIRI, KATANYA.

KAWALAN-KAWALAN YANG CUKUP DISEDIAKAN BAGI MELINDUNGI PARA PENGGUNA BURSA TERSEBUT SERTA ORANG RAMAI DENGAN PERUBAHAN-PERUBAHAN SEIRING DENGAN AMALAN-AMALAN BURSA-BURSA KOMODITI LAIN DI SELURUH DUNIA, KATANYA LAGI.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERHARAP BKKL AKAN MEMENUHI KEPERLUAN-KEPERLUAN RANTAU ASEAN DAN PARA PEDAGANG ANTARABANGSA DI SELURUH DUNIA.

KATANYA BKKL KINI BERKEDUDUKAN BAIK UNTUK MEMAINKAN PERANAN MENJADIKAN KUALA LUMPUR SEBAGAI PUSAT DAGANGAN KOMODITI YANG UTAMA.

PENUBUHAN BURSA TERSEBUT PADA TAHUN 1980 BERTUJUAN MENJADIKAN MALAYSIA NEGARA MEMBANGUN YANG PERTAMA MEMPUNYAI PASARAN KOMODITI YANG MODEN SUPAYA NEGARA INI TIDAK LAGI BERGANTUNG KEPADA PASARAN-PASARAN HADAPAN EROPAH DAN AMERIKA SYARIKAT BAGI MENENTUKAN HARGA-HARGA KOMODITI-KOMODITINYA.

BELIAU BERHARAP BKKL AKAN BERKEMBANG BAGI MENYEDIAKAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN DAGANGAN BUKAN SAHAJA BAGI KOMODITI-KOMODITI UTAMA TETAPI JUGA BAGI PASARAN HADAPAN KEWANGAN DAN INDEKS SAHAM DALAM JANGKA PANJANG.

-- BE BERNAMA